

SEKSYEN

17A

AKTA SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA 2009 & GARIS
PANDUAN TATACARA
MENCUKUPI

BUKU PANDUAN MAJIKAN

Bagi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)





AYUH BERSUARA
UNTUK PENCEGAHAN

KORUPSI PERNIAGAAN BERSAMA



Transparency International - Malaysia (TI-M) adalah organisasi bebas bukan kerajaan yang merupakan sebuah pertubuhan bertauliah Transparency International.

Info lanjut di:
www.transparency.org.my

Penafian: Semua watak dan peristiwa dalam buku ini adalah fiksyen semata-mata dan tidak mewakili atau melibatkan sesiapa atau sebarang peristiwa dalam kehidupan sebenar.

DITERBITKAN OLEH: **TRANSPARENCY INTERNATIONAL MALAYSIA**
📞 **03 7887 9628** 📩 **ti-malaysia@transparency.org.my**

ISI KANDUNGAN

04

Apakah korupsi
dan rasuah?

06

Bentuk-bentuk sogongan
berdasarkan Seksyen 3
Akta SPRM 2009

07

Indeks Persepsi
Rasuah 2020

09

Jenis-jenis kesalahan
rasuah yang lazim
dalam perniagaan

16

Apakah hukuman
yang akan
dikenakan?

18

Apakah Seksyen
17A?

20

Seksyen 17A -
Organisasi
Komersial

29

T.R.U.S.T

40

Kesalahan rasuah
lain yang berkaitan

42

Glosari

46

Penghargaan

48

Rujukan

PENGENALAN

Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

merangkumi sebahagian besar penyumbang ekonomi Malaysia dengan jumlah sumbangan keseluruhan sebanyak **38.9% bagi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK)** pada tahun 2019.

Daripada jumlah tersebut, **907,065** perniagaan dikategorikan sebagai PKS yang terdapat di Malaysia menjadikannya sebagai tulang belakang pertumbuhan dan pembangunan dalam sektor ekonomi negara.

Namun, PKS terdedah kepada amalan perniagaan yang tidak beretika akibat daripada peningkatan persaingan hebat dalam industri.

Beringat **sebelum terlambat**.
Bersama kita **menentang korupsi**.

Hubungi kami di **03 7887 9628** atau kirimkan e-mel ke **ti-malaysia@transparency.org.my** sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan rasuah, korupsi atau sebarang aktiviti tingkah laku jenayah yang berkaitan.

Objektif utama Transparency International Malaysia (TI-M) untuk **meneraju usaha mencegah rasuah, menggalakkan ketelusan dan integriti perniagaan sektor swasta**. Serta merangsang PKS dan pekerjanya membanteras rasuah dan korupsi dalam bidang perniagaan supaya amalan ini tidak menular lantas menyekat pertumbuhan ekonomi.

TI-M mendedikasikan buku panduan ini khas buat semua kakitangan yang bertanggungjawab untuk dijadikan **panduan bermanfaat bersama untuk mengutuhkan lagi etika perniagaan**. Hasrat kami supaya buku panduan ini dapat diamati dan memperkasakan setiap individu di tempat kerja.

APAKAH **KORUPSI DAN RASUAH?**

Korupsi adalah
penyalahgunaan kuasa
yang diamanahkan untuk
kepentingan peribadi.




APAKAH **RASUAH?**



BENTUK-BENTUK SOGOKAN BERDASARKAN **SEKSYEN 3, AKTA SPRM 2009**



INDEKS PERSEPSI RASUAH 2020



TINGGI
RASUAH

SKOR

PALING
BERSIH



BAROMETER GLOBAL RASUAH ASIA 2020

71%



Berpandangan bahawa korupsi dalam kerajaan adalah masalah utama.

15%



Menggunakan hubungan peribadi untuk perkhidmatan awam*.

13%



Memberi sogokan untuk perkhidmatan awam*.

12%



Mengalami atau mengetahui sesiapa yang terlibat dalam peras ugut seksual dari mangsa.

7%



Menawarkan sogokan dengan tujuan meraih undi.

*Berdasarkan individu-individu yang menggunakan perkhidmatan awam dalam tempoh 12 bulan.

Sumber oleh Transparency International Malaysia.

JENIS-JENIS

KESALAHAN RASUAH

YANG LAZIM DALAM
PERNIAGAAN



PEMBAYARAN KEMUDAHAN

Melicinkan proses dan prosedur - pembayaran yang dibuat kepada pegawai-pegawai untuk memperoleh atau mempercepatkan kelulusan dan aturan perkhidmatan yang mereka perlu berikan.

Ia tidak termasuk pembayaran langsung untuk mendapat atau mengekalkan perniagaan.



Awak **Terpilih**

KONFLIK KEPENTINGAN

Menerima atau menyediakan peluang kepada individu yang tidak layak atau tidak berhak seperti mengutamakan ahli keluarga sendiri dan pilih kasih terhadap rakan rapat.

Mengambil kesempatan dengan melakukan kerja-kerja peribadi menggunakan masa dan wang syarikat.



HADIAH DAN HIBURAN

Dihadiahkan kepada atau daripada kakitangan rantaian pembekal syarikat, pegawai-pegawai kerajaan dan pihak penguatkuasaan, ahli-ahli politik dan sebagainya.

Adakah anda berisiko kehilangan pekerjaan dan kontrak sekiranya tidak memberi hadiah atau hiburan? Jika YA, maka anda sedang menuju ke arah KORUPSI!!



SOGOKAN

Sogokan didefinisikan sebagai komisen yang diberi dalam usaha untuk mendapatkan kerjasama pihak lain dalam skim haram.

Contohnya dalam situasi urusan perniagaan bernilai RM1 juta, "komisen" sebanyak 20% (RM200,000) terlebih dahulu diminta oleh satu pihak sebagai jaminan kontrak tidak disabotaj walaupun perjanjian masih belum ditandatangani.




SUMBANGAN AMAL ATAU PENAJAAN



Usah keliru dengan rasuah yang mungkin hadir dalam bentuk sumbangan amal atau penajaan kerana ia tidak sepatutnya dibayangi sebagai bantuan untuk sebarang urusan perniagaan.

Sumbangan dan tajaan mestilah diserahkan terus kepada organisasi dan bukan individu.

KESALAHAN UTAMA DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009



Sesiapa yang terlibat meminta atau menerima rasuah sebagai dorongan atau ganjaran dalam urusan rasmi.

S.16(a) dan 17(a) Akta SPRM 2009

Sesiapa yang terlibat menawarkan atau memberi rasuah kepada sektor awam atau swasta dalam urus rasmi.

S.16(b) dan 17(b) Akta SPRM 2009

Sesiapa yang terlibat dalam mengemukakan tuntutan palsu bagi mendapatkan bayaran.

S.18 Akta SPRM 2009

Penyalahgunaan kuasa oleh pegawai awam bagi mempengaruhi keputusan untuk kepentingan diri dan keluarga.

S.23 Akta SPRM 2009

APAKAH
HUKUMAN
YANG AKAN
DIKENAKAN?

**PENJARA DAN
DENDA**



| Penjara sehingga **20 tahun** dan denda **5 kali ganda** nilai suapan; atau **RM10,000/-**; mengikut mana yang lebih tinggi.

- **Seksyen 24 Akta SPRM 2009** -



SEKSYEN 17A

AKTA AKTA SURUHANJAYA
PENCEGAHAN RASUAH
MALAYSIA 2009

Berkuat kuasa pada
1 Jun 2020

**Organisasi komersial
bertanggungjawab** jika
mana-mana kakitangan atau
pihak bersekutunya terbabit
dalam melakukan kesalahan
rasuah.

APAKAH
SEKSYEN
17A





Untuk memperoleh atau mengekalkan perniagaan bagi organisasi komersial tersebut.

Seseorang yang bersekutu dengan **memberi, bersetuju untuk memberi, berjanji atau menawarkan rasuah kepada mana-mana pihak dengan niat...**

Untuk memperoleh atau mengekalkan apa-apa faedah kelebihan kepada organisasi komersial tersebut.

SEKSYEN

17A

ORGANISASI KOMERSIAL



SEKSYEN 17A

ORGANISASI KOMERSIAL



Suatu **syarikat** yang diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 2016** yang menjalankan perniagaan di Malaysia atau di tempat lain.



Suatu **syarikat** di mana jua diperbadankan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian perniagaannya **di Malaysia**.



Suatu **perkongsian** yang ditubuhkan di bawah **Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012** yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia atau di tempat lain.



Suatu **perkongsian** yang ditubuhkan di bawah **Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012** yang menjalankan perniagaan dalam Malaysia atau di tempat lain; dan



Suatu **perkongsian** di mana jua ditubuhkan dan menjalankan perniagaan atau sebahagian perniagaannya **di Malaysia**.


SIAPAKAH YANG
DIMAKSUDKAN DENGAN
**“ORANG YANG
BERSEKUTU”**

DENGAN
ORGANISASI
KOMERSIAL



ORANG YANG BERSEKUTU

DENGAN ORGANISASI KOMERSIAL



APAKAH
HUKUMAN
YANG AKAN
DIKENAKAN?

PENJARA DAN
DENDA



APAKAH HUKUMAN YANG AKAN DIKENAKAN?


**ATAU
KEDUA-DUANYA
SEKALI**

Denda tidak kurang 10 kali ganda daripada nilai suapan atau RM1 juta, mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Dipenjara sehingga 20 tahun

CONTOH SENARIO

(RUMUSAN)



5x, RM10,000 & ≤ 20 TAHUN

- Seksyen 24 -

10x, RM1,000,000 ATAU/DAN ≤ 20 TAHUN

- Seksyen 17A (2) -

APAKAH **PEMBELAAN**

kepada **Lembaga Pengarah**
dan **Pengurusan Kanan**
berdasarkan peruntukan
undang-undang?




PEMBELAAN

buat Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan


Berupaya membuktikan kesalahan yang didakwa tersebut **dilakukan tanpa persetujuan beliau.**


Berupaya membuktikan segala **usaha yang wajar telah dilaksanakan** bagi mencegah pegawai/kakitangan syarikat terlibat dengan perbuatan rasuah.



SYARIKAT WAJIB MELAKSANAKAN “TATACARA MENCUKUPI”

UNTUK MENCEGAH RASUAH





PRINSIP I

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

| “Top Level” iaitu pengurusan atasan (Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan) **bertanggungjawab dalam mengekalkan integriti dan etika pada tahap paling tinggi** dan untuk mematuhi undang-undang dan peraturan antirasuah.

PRINSIP I

KOMITMEN PENGURUSAN ATASAN

Lembaga Pengarah dan pengurusan bertanggungjawab memastikan organisasi komersial:-

- Mengamalkan integriti dan etika pada tahap yang tertinggi.
- Mematuhi sepenuhnya undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah.
- Menguruskan risiko utama rasuah dalam organisasi.

Aktiviti utama yang harus dilaksanakan:

- Program pematuhan antirasuah - polisi dan objektif dalam menangani risiko rasuah.
- Budaya berintegriti.
- Berkommunikasi tentang polisi dan komitmen terhadap antirasuah kepada pihak dalaman dan luaran,
- Memaklumkan dan melaporkan.
- Pemantauan oleh individu cekap yang dipercayai (mungkin dari pihak luaran).
- Barisan penguat kuasa yang selaras dengan pemantauan kakitangan yang ditugaskan.
- Melaporkan hasil audit, tinjauan penilaian risiko, langkah pengendalian dan prestasi kepada pengurusan dan lembaga pengarah.



PRINSIP II

ANALISA RISIKO

| Penilaian risiko rasuah seharusnya dijadikan asas kepada usaha anti-rasuah organisasi.

PRINSIP II

ANALISA RISIKO

Melaksanakan **penilaian untuk mengenalpasti, menganalisis, meninjau dan mengutamakan** risiko rasuah.

Penilaian mandiri digunakan bagi risiko umum.

Penilaian risiko secara menyeluruh dilakukan **setiap 3 tahun**, adalah merangkumi:

- Peluang berlakunya korupsi disebabkan pentadbiran dan kawalan dalaman yang lemah.
- Bukti urus niaga kewangan (disamari sebagai bayaran rasuah).
- Perniagaan pada tahap korupsi tinggi terhadap negara atau industri.
- Tindakan pihak luar dalam berurusan bagi pihak organisasi komersial.
- Hubungan dengan pihak ketiga dalam rantai berkalan.



PRINSIP III

PELAKSANAAN LANGKAH KAWALAN

| Mempunyai kawalan dan langkah-langkah sesuai untuk sebarang kemungkinan seperti **usaha wajar dan saluran pelaporan.**

PRINSIP III

UTAMAKAN LANGKAH KAWALAN

Organisasi komersial perlu mewujudkan langkah kawalan dan usaha menaupan keadaan luar jangkaan yang **munasabah dan bersesuaian**.

Organisasi komersial perlu mewujudkan dasar dan prosedur berikut:

- Dasar atau polisi berhubung rasuah dan antirasuah.
- Konflik kepentingan.
- Hadiah, hiburan, hospitaliti dan perjalanan.
- Sumbangan dan penajaan (termasuk sumbangan politik).
- Bayaran kemudahan.
- Kawalan kewangan dan bukan kewangan.
- Rangka kerja pemantauan antirasuah.
- Menyimpan rekod dan dokumentasi berkaitan tatacara mencukupi.

Usaha wajar:

- Semakan latar belakang.
- Proses pengesahan dokumen.
- Mengendalikan temuduga.

Saluran pelaporan:

- Saluran mudah diakses dan boleh dipercayai.
- Boleh digunakan oleh pihak dalaman dan luaran.
- Menggalakkan pelaporan secara suci hati.
- Sistem pengurusan maklumat yang memastikan kerahsiaan identiti pemberi maklumat.
- Mampu untuk menghalang sebarang tindakan terhadap pemberi maklumat.



PRINSIP IV

PEMANTAUAN, PENILAIAN
DAN PENGUATKUASAAN
SECARA SISTEMATIK


| **Memastikan penilaian secara berkala** dilaksanakan bagi menilai **prestasi, kecekapan dan keberkesanan** program anti-rasuh, dan memastikan program tersebut **dikuatkuasakan.**

PRINSIP IV

PEMANTAUAN, PENILAIAN DAN PENGUATKUASAAN SECARA SISTEMATIK

Peranan pengurus atasan:

- Kajian semula program antirasuah dari masa ke semasa (dalaman dan luaran).
- Merancang, mewujudkan, melaksanakan dan memastikan kesinambungan program antirasuah (skop, kekerapan dan kaedah penilaian).
- Mengenal pasti individu yang cekap bagi melaksanakan audit dalaman berkaitan dengan inisiatif anti rasuah.
- Penilaian polisi dan prosedur antirasuah.
- Mempertimbangkan penggunaan audit luaran (contohnya MSISO 37001).
- Memantau pematuhan kakitangan berkaitan dasar dan prosedur anti-rasuah.
- Mengambil tindakan tatatertib ke atas kakitangan yang didapati tidak mematuhi peraturan antirasuah yang ditetapkan oleh organisasi.



PRINSIP V

LATIHAN DAN KOMUNIKASI

Menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui **latihan dan komunikasi dalaman dan luaran.**

PRINSIP V

LATIHAN DAN KOMUNIKASI

Menghebahkan maklumat berhubung sistem pengurusan antirasuah melalui **latihan dan komunikasi dalaman dan luaran. Dasar anti-rasuah organisasi perlu dipaparkan secara umum, dan dihebahkan sewajarnya** kepada semua kakitangan dan pihak-pihak yang berkaitan dengan syarikat (polisi, latihan kursus, saluran pelaporan dan akibat salah laku).

Komunikasi dari segi:

- Perkara utama untuk disampaikan.
- Penerima.
- Saluran komunikasi.
- Rangka masa untuk pelan komunikasi..
- Bahasa yang digunakan untuk menyampaikan maklumat.

Menyediakan latihan secukupnya kepada pekerja dan rakan kongsi bagi memastikan kefahaman mereka berhubung pendirian organisasi mengenai anti- rasuah, terutama berkaitan peranan mereka di dalam dan luar organisasi komersial tersebut. Contohnya program induksi yang menerapkan elemen anti-rasuah, program latihan khusus korporat, seminar, video, intranet, laman sesawang, dialog awam kakitangan, kegiatan riadah organisasi atau “retreat”.

KESALAHAN RASUAH LAIN YANG BERKAITAN

AKTA SYARIKAT **2016**



SEKSYEN 218 (2)

Tugas dan Tanggungjawab Pengarah.

Larangan terhadap salah guna harta syarikat, jawatan, peluang atau persaingan korporat dalam syarikat.

Pengarah atau pegawai syarikat yang menggunakan kuasa jawatannya untuk kepentingan sendiri atau orang lain tanpa persetujuan atau pengesahan mesyuarat umum adalah suatu kesalahan yang boleh disabitkan **hukuman penjara sehingga 5 tahun atau denda tidak melebihi RM3 Juta atau kedua-duanya sekali.**

KESALAHAN RASUAH LAIN YANG BERKAITAN KANUN KESEKSAAN (AKTA 547)

SEKSYEN 417

Sesiapa yang didapati menipu boleh disabitkan hukuman maksimum penjara sehingga **5 tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.**

SEKSYEN 161

Kakitangan kerajaan yang menerima sebarang suapan kecuali bayaran di sisi undang-undang sebagai motif atau ganjaran yang melibatkan dan tidak menjalankan tugas rasmi jabatan.

Hukuman: Maksimum 3 tahun penjara dan/atau denda.

SEKSYEN 165

Kakitangan kerajaan yang menerima barang berharga daripada orang yang mempunyai hubungan tugas rasmi.
Hukuman: Maksimum 2 tahun penjara dan/atau denda.

GLOSARI



GLOSARI



SOGOKAN

Penawaran, janji, memberi, menerima atau meminta sesuatu manfaat sebagai dorongan untuk satu tindakan menyalahi undang-undang, yang tidak beretika atau pecah amanah. Dorongan boleh jadi dalam bentuk hadiah, pinjaman, yuran, ganjaran atau lain-lain manfaat (cukai, perkhidmatan, derma, pertolongan dan sebagainya).

SUMBANGAN AMAL DAN TAJAAN

Derma dalam bentuk kewangan atau barang yang diberi bagi tujuan untuk menyokong satu usaha murni. Ini termasuk memberi pinjaman, hadiah harta tanah, perkhidmatan, penajaan meja-meja di sesuatu acara atau kelab sukan, aktiviti-aktiviti periklanan atau promosi. Sumbangan amal dan tajaan boleh digunakan sebagai sogokan dan diminta untuk dimasukkan dalam perjanjian perniagaan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Situasi yang mana seseorang individu atau entiti di tempat mereka bekerja, berdepan dengan pilihan antara tanggungjawab dan tuntutan kedudukan dan kepentingan peribadi.

PEMBAYARAN KEMUDAHAN

Satu sogongan yang kecil, juga dipanggil 'wang pelicin'; dibayar untuk mendapatkan atau mempercepatkan pelaksanaan sesuatu khidmatan rutin atau wajib walaupun ia adalah hak pembayar untuk mendapat perkhidmatan secara percuma.

GLOSARI

MEMALSUKAN DOKUMEN BAYARAN

Mengubah, menukar atau mengubah suai dokumen bagi tujuan menipu orang lain.

BANTUAN

Memberi layanan keutamaan yang tidak adil kepada seseorang atau kumpulan sehingga menjelaskan pihak lain.

HADIAH DAN HIBURAN

Memberi atau menerima hadiah & hiburan menimbulkan risiko rasuah, terutamanya untuk mempengaruhi keputusan perniagaan atau mendapatkan kelebihan yang tidak adil dan saksama. Ia mungkin digunakan oleh pihak ketiga yang korup dan menyebabkan pekerja berkenaan berasa hutang budi dan bertindak secara korup.



GLOSARI

“KICKBACK” (SOGOKAN)

Satu “komisen” yang diberi kepada seseorang sebagai balasan untuk menyediakan bantuan dalam sesuatu urusan perniagaan yang rahsia dan tidak jujur.



ORANG BERSEKUTU

Dalaman: Rakan kongsi, pengarah dan pekerja.

Luaran: Melakukan perkhidmatan yang mewakili organisasi komersial.

SUMBANGAN POLITIK

Sebarang sumbangan yang dibuat dalam bentuk wang tunai atau barang untuk menyokong satu perjuangan politik agar mendapat kelebihan perniagaan yang tidak adil. Contoh-contoh termasuk: hadiah harta tanah atau perkhidmatan, aktiviti-aktiviti periklanan atau promosi yang menyokong sesebuah parti politik dan pembelian tiket-tiket untuk acara mengumpul dana.

PENGHARGAAN

E-book ini menyalurkan pandangan bermanfaat buat **Peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Seksyen 17A, Akta SPRM 2009** selaras dengan **Garis Panduan Tatacara Mencukupi sepertimana yang dikehendaki undang-undang**. Sekalung budi diucapkan kepada para penyumbang projek kami, **Malaysia Reform Initiative (MARI), Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID), Kedutaan Besar Amerika Syarikat (KL)** dan pasukan **Transparency International Malaysia**, iaitu **Dr Muhammad Mohan, Raymon Ram, Nuradlina Adnan** dan **Nurizzati Mohamad Nor**.



PENGHARGAAN



RUJUKAN



PAUTAN KE LAMAN GIACC

<http://giacc.jpm.gov.my>

PAUTAN KE LAMAN GARIS PANDUAN TATACARA MENCUKUPI

<http://giacc.jpm.gov.my/wp-content/uploads/2019/01/Eng-Garis-Panduan-Tatacara-Mencukupi.pdf>

PAUTAN KE LAMAN SPRM

<http://www.sprm.gov.my>

PAUTAN KE LAMAN AKTA UNDANG-UNDANG

Akta SPRM 2009, termasuk kemaskini Seksyen 17A

<https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/akta-A1567-bi.pdf>

PAUTAN KE LAMAN SOALAN LAZIM SPRM

Pertanyaan Umum

http://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=481

Pertanyaan Hadiah

http://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=522

Pertanyaan berkenaan Akta SPRM

http://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=1524

BANGKITLAH **MELAWAN RASUAH**



www.transparency.org.my



facebook.com/timalaysia



twitter.com/TI_Malaysia



[linkedin.com/company/
transparency-international
-malaysia](https://linkedin.com/company/transparency-international-malaysia)